

UUM

BIOGRAFI
AFFIFUDIN
HAJI **OMAR**



2595
OH

HANI HAJI AB GHANI
SU MUSTAFFA

1943-2018



ABDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PEGAWAI

BIOGRAFI
AFFIFUDIN
HAJI **OMAR**
1943-2018

**ROHANI HAJI AB GHANI
CHE SU MUSTAFFA**



1013937

TERBIT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Sintok • 2024



UUM Press
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Malaysia.



Tel: 04-9284797
Faks: 04-9284792
E-mel: penerbit@uum.edu.my
Laman sesawang: <http://uumpress.uum.edu.my>
Laman sesawang jualan: <http://uumpress.com.my>

© 2024 UUM Press
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada UUM Press.

UUM Press ialah anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA).

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan



Kategori: Ilmiah (Karya Asli)

Muka taip teks: Adobe Garamond Pro

Editor Naskhah: Farah Mat Din
Penolong Editor: Siti Noor Aishah Zanudin
Pengatur Huruf: Marina Abdol Azis
Pereka Bentuk: Zuraizee Zulkifli

Dicetak di Malaysia oleh UUM Press

Kandungan

<i>Senarai Gambar</i>	<i>vii</i>
<i>Kata Pengantar</i>	<i>ix</i>
<i>Prakata</i>	<i>xi</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>xiii</i>
1 Mencari Batil Emas	1
Gelombang Diaspora	1
Sejarah Hubungan Lampau	3
Siapakah Orang Kampar?	5
Kedatangan Ke Tanah Melayu	10
Masyarakat Kampar di Malaysia	12
Tokoh-tokoh Keturunan Kampar di Malaysia	13
Orang Kampar di Kedah	13
Implikasi Diaspora “Batil Emas”	14
2 Peh Anak Tok Guru Haji Omaq	16
Mujahid Datuk Tabano	16
Leluhur Bangkinang	17
Tok Guru Haji Omar	18
Haji Abdul Jalil Binjal	26
Peh Semasa Kecil dan Adik-Beradik	30
Kembara Ilmu	36
Natijah Sebuah Legasi	42
3 Sepanjang Jalan Kenangan	43
Nilai Asuhan	43
Figura Seorang Ayah	43
Nostalgia Ahli Keluarga dan Rakan Taulan	55
Sahabat dan Keluarga	65
4 Erti Sebuah Perjuangan	67
Kerjaya Awal	67
Sejarah Penubuhan MADA	68
Affifudin dan Penubuhan MADA	75

Idea-Idea Pembangunan Pertanian	79
Penglibatan dalam Politik	84
Sumbangan dan Jasa	89
5 Sang Pencerita	91
Naratif Kehidupan	91
Sesat	92
Rimba Dialektika	95
Konspirasi	97
Man Deleng	99
Meniti Rindu	101
Getir	104
Seludup	107
Odisi Anak Kampar	110
Tun Perak Paduka Raja	112
Paradoks	114
Seri Dewi Malam	116
Dendam	119
Tun Tuah Wira dan Diplomat Terbilang	122
Mujahid Agung Kisah Seorang Pejuang Kemerdekaan	126
Gambaran Realiti Kehidupan	130
6 Epilog	132
<i>Bibliografi</i>	139
<i>Biodata Penulis</i>	145
<i>Indeks</i>	147

Senarai Gambar

Gambar 2.1	Tuan Guru Haji Omar Haji Salleh	19
Gambar 2.2	Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Kuala Nerang, Kedah	21
Gambar 2.3	Haji Omar bersama-sama dengan Ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa Negeri Kedah 1958	25
Gambar 2.4	Keluarga Haji Omar Haji Salleh	27
Gambar 2.5	Salinan semula catatan peribadi oleh Abdul Jalil	28
Gambar 2.6	Fatimah Abdullah isteri Abdul Jalil	28
Gambar 2.7	Muhammad Jamil (ayah Hajjah Aishah) dan isteri	29
Gambar 2.8	Mak Chah mendukung cucunya, Amran Hafiz Bin Affifudin	30
Gambar 2.9	Tan Sri Mohd Jamil dan Dato Ahmad Fitri	34
Gambar 2.10	Hajjah Aishah (Mak Chah dua dari kiri) bersama-sama dengan Haji Husin Jamil (paling kiri), Tan Sri Muhammad Jamil dan Hajjah Kalsum Jamil	34
Gambar 2.11	Dato Serajawangsa Syed Azizan Al Idrus	37
Gambar 2.12	Affifudin semasa di Universiti Malaya	39
Gambar 2.13	Affifudin semasa menuntut di luar negara	41
Gambar 3.1	Amran Hafiz semasa kecil	44
Gambar 3.2	Wan Kalsom Wan Yusof	44
Gambar 3.3	Azhar Ansari dan Amlia Amrina	45
Gambar 3.4	Amran Hafiz semasa sesi temu bual secara maya	48
Gambar 3.5	Affifudin dan Che Hasnah semasa Hari Graduasi Universiti Malaya	50
Gambar 3.6	Che Hasnah ketika pertemuan sesi temu bual	52
Gambar 3.7	Tulisan tangan Affifudin dalam salah satu manuskrip	53

Gambar 3.8	Affifudin bersama-sama dengan buku-bukunya	54
Gambar 3.9	Affifuddin dan ahli keluarganya	56
Gambar 3.10	Bersama-sama penyokong	58
Gambar 3.11	Datin Hajjah Aishah ketika ditemu bual di Alor Setar	59
Gambar 3.12	Rakan-rakan Affifudin semasa sesi temu bual	60
Gambar 3.13	Affifudin menggemari baju berwarna putih	62
Gambar 3.14	Membentangkan kertas kerja dalam Seminar Sejarah di Pekan Baru, Indonesia	63
Gambar 3.15	Ketika Majlis Makan Malam IAHA ke 13 di Kediaman Menteri Besar Kedah, Mentalon, Alor Setar	64
Gambar 3.16	Bersama sejarawan dan pengkaji sejarah tanah air	65
Gambar 4.1	Pemandangan sawah padi di negeri Kedah	69
Gambar 4.2	Terusan Wan Mat Saman	70
Gambar 4.3	Laporan mengenai masalah padi kunca oleh Akhbar Utusan Melayu	72
Gambar 4.4	Perasmian bangunan MADA oleh Baginda Sultan Kedah	75
Gambar 4.5	Pesawah padi dan kerbaunya	77
Gambar 4.6	Foto Affifudin di kulit majalah MASA	89

Kata Pengantar

Dato' Wira Dr. Affifudin bin Haji Omar layak digelar sebagai pejuang. Ini kerana dalam sejarah kehidupannya sejak kecil hingga ke akhir hayatnya beliau berjuang untuk mendapat kehidupan yang bermakna untuk keluarga, sahabat, negeri dan tanah airnya. Namun, perjuangan tersebut bukanlah dengan menggalas senjata, tetapi beliau berjuang dengan ilmu dan kesungguhannya dalam memikul tugas dan tanggungjawabnya sebagai anak, abang, adik, suami, bapa, penjawat awam serta sebagai seorang politikus. Beliau ibarat permata yang jika dicanai dengan sempurna akan dapat menjelmakan inti sari keindahan melalui keluhuran budi, ketulusan akhlak dan kemuliaan peribadinya. Selama hidupnya beliau berpegang kepada falsafah berbuat kebaikan dan percaya jika berbuat baik kepada orang lain maka mereka akan berbuat baik kepadanya dan selalu berkata "*you get what you give*". Oleh yang demikian, buku *Biografi Dato' Wira Dr. Affifudin Haji Omar* ini memberikan pemahaman mengenai erti perjuangannya tersebut. Membaca buku ini dapat memberikan impak yang sangat berkesan kepada sesiapa sahaja yang mengenali beliau. Pembaca akan tenggelam dalam nostalgia yang menyentuh hati tentang tokoh buku ini. Kita dibawa untuk mengenali siapa beliau dan hitam putih perjalanan kehidupan yang telah dilaluinya, juga harapan dan mimpi yang sarat digarapkan dalam novel-novel yang ditinggalkannya. Betullah kata pujangga lama kita, "Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama". Nama yang baik akan sentiasa menjadi sebutan dan kenangan. Diharapkan pembaca sedikit sebanyak beroleh manfaat dan teladan daripada kehidupan seorang pejuang. Semoga Allah merahmati kehidupan almarhum ayahanda tercinta di alam abadi.

Al-Fatihah.

Datuk Haji Amran Hafiz Affifudin
Pengarah Eksekutif Khazanah Nasional Berhad
Pengerusi Kumpulan UEM



Prakata

Penulisan biografi sebenarnya sebuah nostalgia yang naratifnya tentang seseorang tokoh. Mungkin ramai yang berfikir hasil tulisan biografi perlu bercerita tentang mereka yang punya nama besar yang berjaya merubah dunia. Namun, jika diteliti dari sudut falsafah biografi itu sendiri, ia adalah tentang bagaimana mengenang semula sebuah kehidupan individu yang dikaji bukan sahaja dalam bentuk hasil literasi tetapi juga merangkumi falsafah kehidupan mereka. Inilah yang menjadi tujuan utama penulisan ini, sebuah catatan semula tentang masa lalu, liku-liku kehidupan dan falsafah pemikiran tokoh yang dipilih iaitu Dato' Wira Dr. Affifudin Haji Omar untuk dikongsi dengan para pembaca.

Buku ini yang memaparkan kisah hidup anak tempatan Kedah merupakan tokoh akademik dan teknokrat yang pernah menjawat jawatan Timbalan Menteri Kewangan Malaysia. Walaupun beliau tidak meninggalkan jasa yang flamboyan dan gilang-gemilang namun namanya terpahat di hati sebahagian besar generasi sezaman yang telah menikmati hasil idea dan usahanya dalam membangunkan masyarakat setempat. Lantaran itu, penghasilan penulisan sebegini adalah penting untuk dijadikan suri teladan kepada generasi muda tentang sumbangan seseorang tokoh kepada nusa dan bangsa.

Penghasilan buku ini banyak bergantung kepada sumber lisan iaitu temu bual dengan ahli keluarga, rakan-rakan dan mereka yang pernah mengenalinya. Selain daripada sumber primer yang terdiri daripada catatan peribadi tokoh dan ahli keluarga, buku ini juga turut menggunakan rujukan rekod arkib dan sumber sekunder. Semoga penulisan biografi ini dapat mengangkat sumbangan besar beliau khususnya dalam bidang pertanian di Kedah,

mengembalikan kenangan bagi mereka yang pernah ketawa bersama dan menjadi pengadilan moral terhadap jasa-jasa politiknya yang seolah-olah dilupai. Semoga roh Dato' Wira Dr. Affifudin Haji Omar dicucuri rahmat Allah dan ditempatkan bersama mereka yang beriman dan beramal soleh.

Rohani Haji Ab Ghani
Che Su Mustaffa

Penghargaan

Segala puji bagi Allah SWT atas limpah kurnia-Nya dan selawat serta salam atas junjungan kita Nabi Muhammad SAW yang membolehkan biografi ini berjaya disiapkan. Penerbitan biografi ini merupakan antara usaha untuk mengangkat jasa tokoh-tokoh tempatan tanah air. Penulisan biografi Dato' Wira Dr. Affifudin bin Haji Omar adalah biografi kedua yang dihasilkan oleh penulis selepas biografi *Dol Ramli: Tokoh Penyiaran Malaysia*. Penulis merakamkan penghargaan kepada pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) atas pembiayaan penyelidikan untuk menulis biografi ini di bawah Dana APIQ (Kod S/O 14324). Penghargaan ini juga ditujukan kepada Pusat Pengurusan dan Penyelidikan UUM yang memberikan kerjasama yang baik sepanjang proses penghasilan buku ini.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada keluarga besar Allayarham Dato' Wira Dr. Affifudin bin Haji Omar atas kerjasama yang diberikan dalam berkongsi cerita, pengalaman dan catatan peribadi serta gambar-gambar untuk melengkapkan penulisan ini. Tidak ketinggalan, penghargaan ini turut dihulurkan kepada semua mereka yang meluangkan masa untuk ditemu bual bagi membantu kami menyelesaikan penulisan biografi ini dengan sempurna.

Terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada kakitangan Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Utara, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, Perpustakaan Awam Kedah dan Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia atas segala bantuan dalam menyiapkan penulisan ini.

Adalah diharapkan melalui penghasilan biografi ini akan memberi inspirasi kepada para pembaca tentang makna sebuah kehidupan dan perjuangan. Penulis merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama sehingga terhasilnya penulisan ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada UUM Press yang telah memperuntukan sejumlah dana bagi penghasilan buku ini.

Kami juga merakamkan penghargaan yang tinggi kepada ahli keluarga kami yang sering mendengar cerita-cerita yang kami

kongsikan tentang tokoh bernama Dato' Wira Dr. Affifudin bin Haji Omar. Semoga buku biografi ini memberikan makna tentang perjuangan hidup dan penghargaan terhadap tokoh-tokoh yang pernah berjasa kepada negara. Selanjutnya memberikan inspirasi kepada kita untuk berjuang demi agama, bangsa dan negara dengan cara kita sendiri kerana "*Barang siapa mempunyai sumbangan pada kemanusiaan dia tetap terhormat sepanjang jaman*" Pramoedya Ananta Toer.

Penghargaan ini diakhiri dengan serangkap pantun:

Sayang Cik Ani ke tanah Daik
Sampai di Daik membeli bakul
Kalau asal budi yang baik
Beri segenggam jadi sebakul

Rohani Haji Ab Ghani
Che Su Mustaffa

1

Mencari Batil Emas

“Semangat mencari ‘batil emas’ ini menjadikan ras Melayu ini pelayar agung tanpabandingan di muka bumi pada masa itu.”

Gelombang Diaspora

Latar belakang Dato’ Wira Dr. Affifudin Haji Omar bermula dengan sejarah penghijrahan atau diaspora penduduk di nusantara. Swarnabhumi yang merupakan pengenalan kuno kepada nama Malaysia atau Tanah Melayu sebagai nama yang dirujuk berdasarkan naratif kolonial sejak lama dahulu merupakan tumpuan para penghijrah dari kawasan sekitarnya. Penghijrahan mereka berasaskan kekayaan sumber alam yang terdapat di negara ini dan juga faktor keselamatan di negara asal mereka. Keadaan ini ditambah pula dengan sikap penduduk tempatan yang menerima kehadiran orang lain dengan tangan yang terbuka. Antara kumpulan penduduk terbesar yang berhijrah ke Malaysia ialah mereka yang berasal dari tanah seberang iaitu rakyat Indonesia yang bermula sejak zaman kemunculan kerajaan Melayu di Kepulauan Melayu lagi. Diaspora Melayu sama ada di alam Melayu ataupun menjelajah ke seluruh dunia didorong oleh mitos untuk mencari batil emas iaitu ada kekayaan di ujung kaki langit (Affifudin, 2014). Penjelajahan yang didorong oleh mitos batil emas ini tidak berdiri sendiri, sebaliknya diiringi oleh kececalan pelaut-pelaut Melayu bersama dengan kemahiran maritim mereka yang telah diwarisi sejak turun-temurun.

Namun begitu, gelombang besar penghijrahan telah berlaku pada abad ke-19 dan ke-20. Menurut Khazin (1984), kedatangan dan penghijrahan orang Indonesia ke Tanah Melayu dalam kedua-dua abad ini bukan merupakan satu perkara baharu. Ia merupakan

proses yang sentiasa berlaku sebelum ini dalam kalangan masyarakat Melayu di alam Nusantara yang mempunyai persamaan dalam tatacara politik, sosial, ekonomi, keturunan, agama, kepercayaan dan cara kehidupan. Pergerakan intra-rantau dan inter-rantau telah membawa kepada penggunaan “perantau” kepada kumpulan ini. Pada hakikatnya alam Melayu ini merupakan entiti geo-politik yang bergabung di bawah setiap tamadun yang muncul di rantau ini. Gabungan ini telah terpisah apabila kuasa penjajah Belanda dan Inggeris hadir dan membahagikan dunia Melayu kepada Indonesia dan Malaysia melalui perjanjian Inggeris-Belanda 1824.

Faktor yang mempengaruhi pergerakan mereka secara besar-besaran ke Tanah Melayu adalah disebabkan pembukaan ladang pertanian oleh British. Perkembangan ini telah membawa kepada perubahan komposisi penduduk di Tanah Melayu. Keterbukaan Semenanjung Malaysia terhadap kemasukan penduduk dari Indonesia terutamanya Sumatera telah menyebabkan muncul anggapan bahawa Semenanjung Malaysia dan Sumatera tergolong dalam satu kawasan yang sama. Oleh yang demikian, tiada sekatan terhadap pergerakan penduduk bagi kedua-dua kawasan.

Buku ini merupakan sebahagian daripada kisah kehidupan Dato' Wira Dr. Affifudin bin Haji Omar (selepas ini disebut Affifudin) yang merupakan tokoh politik dan cendekiawan politik-ekonomi tanah air yang berketurunan Kampar. Affifudin dilahirkan pada 27hb Mei 1943 di kampung Kubang Lembu, di pinggir bandar Jitra yang terletak di bahagian timur Wilayah Muda Kedah. Allahyarham bapanya ialah seorang ulama dan pemimpin agama yang merupakan salah seorang pengasas Parti SABERKAS atau Syarikat Bekerjasama Am Saiburi di Kedah. Empat tahun pertama persekolahannya yang bermula pada 1949 ialah di sekolah Melayu vernakular di Jitra. Selepas itu, beliau menghabiskan masa sepuluh tahun menamatkan pendidikan rendah, atas, menengah dan pra-universiti di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar. Pengkhususan awal dalam mata pelajaran sains semula jadi (peringkat menengah atas) membolehkan beliau memasuki Fakulti Pertanian Universiti Malaya. Selepas empat tahun di sana, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dalam jurusan

agronomi. Jawatan tertinggi yang pernah disandang oleh beliau ialah Timbalan Menteri Kewangan (1995–1999), Ketua UMNO Daerah Padang Terap, Ahli Majlis Tertinggi UMNO (1993–1996), Pengerusi Bank Rakyat, Pakar Rujuk Bank Dunia, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Ketua Bahagian Perancang, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan perancang ekonomi negeri Kedah.

Sejarah Hubungan Lampau

Sebagaimana yang tercatat dalam sejarah Nusantara, alam Melayu iaitu Semenanjung Malaysia dan Indonesia merupakan wilayah geografi yang berada dalam entiti politik yang sama sebelum tahun 1824 iaitu sebelum termeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda. Zaman tradisional dunia Melayu menunjukkan terdapat banyak perkaitan antara kerajaan Melayu di Semenanjung Malaysia dengan wilayah Indonesia khususnya Kampar.

Kampar dari segi istilahnya merupakan sebuah kerajaan yang diperintah oleh tiga orang raja berketurunan darah Melaka. Kampar merupakan satu kawasan yang luas dan nama Kampar itu sendiri diberikan kepada sebuah sungai iaitu Sungai Kampar yang juga mempunyai tapak sejarah Muara Takus yang dipercayai sebahagian daripada tinggalan kerajaan Srivijaya. Sungai Kampar dikenali sebagai Minanga Kampar/Kembar yang bermaksud pertemuan dua sungai iaitu Sungai Kampar Kanan dan Sungai Kampar Kiri. Menurut catatan Minanga Kampar ini merupakan laluan kepada kemasukan Islam ke Kampar. Perkaitan antara Sungai Kampar dan kemasukan Islam ke Kampar dihurai oleh Aliakb Ar. Dt Pangeran seperti berikut:

Islam dari Arab masuk ke Sungai Kampar melalui Pasai (disebut Minanga Kanwar/Kembar). Kembar ertinya Kampar Kiri dan Kampar Kanan. Do'a yang dibacakan berbahasa Arab pertama adalah do'a Dt. Malin Putih Koto Tuo yang dibacawaktu pembendangan ke langit,

menyerakkan ke bumi dikukuhkan Dt. Rajo Dibalai sebagai Pucuk Andiko nan 44 dan diresmikan adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah...

Dari segi sumber sejarah, didapati bahawa perantau Indonesia telah berada di Semenanjung Tanah Melayu selewat-lewatnya pada zaman keagungan kerajaan Srivijaya lagi. Keadaan ini menjadi semakin ketara semasa pemerintahan kerajaan-kerajaan Singapura, Melaka, Majapahit, Aceh, Pasai serta Portugis, Belanda dan Inggeris. Antara beberapa suku perantau Indonesia yang berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu ialah Aceh, Jawa, Minangkabau, Banjar, Bugis dan Boyan.

Kampar merupakan daerah jajahan Melaka yang harus membayar ufti sebanyak empat kati emas termasuk kerajaan Pahang dan Sening Hujung. Ia disebut sebagai unit politik kecil iaitu sebagai kawasan penyangga kerana ia dipegang untuk ditadbir dan dikuasai oleh pembesar Melaka iaitu Seri Nara Diraja (Muhammad Yusof Hashim, 1989). Kepentingan Kampar kepada Melaka pernah dicatatkan oleh Tome Pires, bahawa Kampar mempunyai kedudukan yang penting bagi Melaka kerana hasil bumi yang bernilai tinggi seperti emas yang diperoleh di pedalaman Sumatera Tengah. Selain itu, wilayah ini juga merupakan pembekal akar yang digunakan bagi membuat ubat-ubatan, lilin dan madu (Suprayitno, 2016).

Berbalik kepada hubungan Semenanjung Malaysia dan Kampar, terdapat pelbagai versi mengenai tarikh permulaan hubungan antara kedua-dua wilayah. Perkaitan utama hubungan kedua-dua wilayah adalah dengan wujudnya salasilah Sultan Mahmud Shah iaitu Sultan Melaka yang terakhir, apabila kedua-dua orang putera baginda iaitu Raja Alauddin Shah dan Raja Muzaffar Shah bersama-sama pengikut mereka telah datang ke Perak dan Pahang. Raja Muzaffar Shah telah datang ke Perak dari Kampar dan dinobatkan sebagai sultan. Beliau diiringi oleh para pengikutnya yang diketuai oleh Megat Terawis. Terdapat catatan yang menyatakan bahawa baginda telah dijemput oleh Tun Saban untuk dirajakan di Perak dan mengasaskan kerajaan Melayu

tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat dua versi lain mengenai penubuhan kerajaan Perak iaitu diasaskan oleh sepupu Raja Beruas iaitu Tun Biajid, manakala satu versi yang lain menyatakan bahawa kerajaan Perak diasaskan oleh putera Raja Minangkabau yang telah dijempit oleh Tun Saban dari Johor (Suprayitno, 2016). Manakala pada tahun yang sama, Raja Alauddin Shah dari Kampar telah pergi ke Pahang dan membuka Pekan Tua sebelum berangkat ke Johor Lama pada tahun 1540. Raja Alauddin Shah menjadi Sultan Johor Lama dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah II. Baginda merupakan sultan pertama kerajaan Johor Lama dan sultan terakhir adalah Sultan Mahmud Mangkat Dijulang yang mangkat pada tahun 1699. Setelah itu takhta Johor telah berpindah ke tangan kuasa raja-raja keturunan Bugis.

Secara umumnya, perantau awal orang Kampar ke Tanah Melayu merupakan hulubalang dan *king-makers* yang memainkan peranan sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung telah membolehkan tiga orang Sultan iaitu Raja Muzafar Shah sebagai Sultan Perak yang pertama pada tahun 1530, Raja Ali Alauddin sebagai Sultan Johor yang pertama pada tahun 1540 dan Bendahara Wan Ahmad yang dilantik menjadi Sultan di Pahang dengan memakai gelaran Sultan Ahmad pada tahun 1887 (Amir Guntur Kamparputra, 2015).

Siapakah Orang Kampar?

Orang Kampar dikenali sebagai *Ughang Kampar* atau dalam istilah tempatan disebut sebagai Orang Ocu (*Ughang Ocu*). Mereka berasal dari Kabupaten Kampar iaitu di wilayah Limo Koto. Limo Koto bermaksud lima negeri atau lima desa yang terdapat dalam Kabupaten Kampar iaitu Kuok, Salo, Bangkinang, Air Tiris dan Rumbio. Setiap kota terdiri daripada empat suku utama iaitu Domo Bagindo Bosau, Tok Said, Piliang dan Melayu. Manakala suku lain pula ialah Pitopang, Bendang dan Kampai. Setiap suku mempunyai seorang ketua. Oleh yang demikian setiap kota akan memiliki empat orang ketua suku yang akan menghadiri

pertemuan ketua-ketua suku di kota Bangkinang. Ketua suku yang mempunyai bilangan anak buah yang teramai akan dipilih sebagai ketua suku sesebuah kota. Setiap perhimpunan ketua-ketua suku di Bangkinang akan dihadiri oleh 20 orang ketua suku. Seorang ketua suku sesebuah kota yang mewakili anak buah yang paling ramai akan menjadi ketua suku orang Kampar. Kabupaten Kampar adalah salah satu kabupaten di propinsi Riau yang diwujudkan pada Februari 1950. Dari segi sejarahnya, Kampar merupakan sebahagian daripada Minangkabau. Terdapat lima kota utama di Kampar iaitu Kuok, Bangkinang, Salo, Airtiris dan Rumbio (<http://www.pn-bangkinang.go.id/?link=TampilPesonaSejarahKampar>).

Kabupaten Kampar dengan keluasan lebih kurang 27.908,32 km² merupakan daerah yang terletak antara 1°00'40" Lintang Utara sampai 0°27'00" Lintang Selatan dan 100°28'30" – 101°14'30" Bujur Timur. Batas-batas daerah Kabupaten Kampar adalah seperti berikut:

Jadual 1.1 menunjukkan sempadan Kabupaten Kampar berdasarkan empat arah iaitu utara, selatan, timur dan barat.

Jadual 1.1 Sempadan Kabupaten Kampar

Arah	Sempadan
Utara	Kabupaten Siak dan Kota Pekanbaru
Selatan	Kabupaten Kuantan Singingi
Barat	Kabupaten Rokan Hulu dan Provinsi Sumatera Barat
Timur	Kabupaten Pelalawan dan Kabupaten Siak

Sumber. <https://e-litbang.kamparkab.go.id/storage/2019/10/Kajian-Induk-Pariwisata-Final-Optimize.pdf>.

Faktor wilayah, persamaan sejarah dan keserumpunan antara Minangkabau dan Kampar menyebabkan terdapat persamaan dari segi bahasa dan budaya serta nilai-nilai hidup yang diamalkan antara kedua-duanya. Adat-istiadat seharian dan bahasa pertuturan (Bahasa Ocu) serta alatan muzik seperti Calempong dan Oguong

antara aspek yang mempunyai perkaitan yang rapat antara keduanya. Namun demikian, sebahagian daripada orang Kampar tidak mengamalkan adat Minangkabau.

Kewujudan masyarakat Kampar dipercayai bermula sejak abad ke-7 semasa kerajaan Sriwijaya. Ia dibuktikan dengan penemuan candi di Muara Takus. Kampar juga dipengaruhi oleh kerajaan Pagaruyung yang telah muncul pada tahun 1580 yang kemudiannya menjadi sebuah kerajaan Islam Minangkabau di Sumatera Barat. Dari segi administratif, Kabupaten Kampar telah mengalami banyak perubahan sehingga berjaya mencapai status Kabupaten atas kepentingan ekonomi dan sosial penduduk Kampar itu sendiri. Pada awalnya, pusat pentadbiran Kabupaten Kampar terletak di Pekanbaru, Riau dan akhirnya pada Jun 1967, telah dipindahkan ke Bangkinang. Dalam perjuangan Indonesia menentang penjajahan, Kampar juga turut mempunyai sejarah penentangan masyarakat tempatan menentang kuasa kolonial Belanda. Pemimpin tempatan yang mengetuai penentangan terhadap Belanda ialah Datuk Tabano pada tahun 1894 tetapi akhirnya berjaya dikalahkan dan menyebabkan perjuangan tersebut berakhir pada tahun 1899. Selanjutnya pergerakan nasionalis dipelopori oleh Muhammadiyah di Sumatera bermula di Riau melalui peranan yang dimainkan oleh pelajar Kampar. Menurut Ahmal (2015):

“Proses awal perkembangan Muhammadiyah di Riau terwujud pada dekad tiga puluhan. Daerah pertama yang mendapat pengaruh Muhammadiyah adalah daerah Kampar yang secara langsung dikembangkan oleh pelajar-pelajar Kampar melalui Pendidikan Islam di Minangkabau, seperti daerah Payakumbuh, Bukit Tinggi dan Padang Panjang”.

Menurut Muhamat Ali, Ridwan dan Bunari, (2019), masyarakat Limo Koto ialah satu kelompok etnik yang terdapat dalam wilayah Kabupaten Kampar Provinsi Riau yang

BIOGRAFI

AFFIFUDIN HAJI OMAR

1943 - 2018

Biografi yang mengandungi enam bab ini bermula dengan bab yang menggarapakan tentang migrasi orang Kampar dan Siak ke Tanah Melayu bagi memahami latar belakang keluarga tokoh yang dimuatkan dalam biografi ini. Leluhur kependekaran Dato Tabano diwarisi oleh Haji Omar tidak diperturunkan kepada anak-anaknya sebaliknya beliau secara pragmatik menekankan pendidikan moden kepada generasi ketiga Bangkinang. Dalam masa yang sama pendidikan agama yang diterapkan olehnya telah membentuk peribadi yang unggul dalam diri keturunannya. Siapakah Affifudin dari sudut pandang keluarga, rakan-rakan sekerja dan rakan-rakan politik juga turut dimuatkan dalam buku ini. Jelas sekali tokoh ini disayangi dan dikenangi oleh mereka atas sifat empati, penyayang dan humor. Biografi ini juga memuatkan sinopsis dan analisis novel-novel yang ditulis oleh beliau. Hakikatnya, jalan cerita dalam novel tulisannya berkisar tentang peristiwa yang sebenarnya terjadi dalam dunia politik dan korporat yang cuba dikongsi dengan para pembaca. Menulis novel seolah-olah menjadi penghubung antara masa lalu dengan masa kini bagi jiwanya dalam mengumpul semula nostalgia bagi merealisasikan kebanggaan terhadap legasi lampau dan impian masa depan. Affifudin Omar atau lebih dikenali sebagai "Peh" oleh keluarga dan kenalan rapat memberikan sumbangan besar kepada negara dalam memajukan petani Melayu Istimewanya biografi ini ialah merupakan hasil kaedah penyelidikan yang mengaplikasi kaedah temubual dan analisis dokumen sebagai satu bukti sokongan yang memerihalkan tentang ketokohan beliau. Melalui penerbitan buku ini, sewajarnya riwayat hidup tokoh tempatan digarapakan dalam bentuk penulisan supaya boleh dihayati oleh generasi akan datang sebagai teladan dan panduan.



UUM PRESS
Penerbit UUM

Universiti Utara Malaysia

ISBN 978-629-491-109-3

RM40.00



9 786294 911093



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATASAN
KEPIMPINAN
PERDANA